

Budak cedera digigit anjing

BUKIT MERTAJAM 19 Mac - Seorang kanak-kanak berusia tujuh tahun dimasukkan ke wad setelah cedera di belakang dan punggung akibat digigit seekor anjing yang terlepas daripada rantai pemiliknya ketika mangsa bermain basikal di hadapan rumahnya di Bandar Perda di sini semalam.

Dalam kejadian pukul 6.45 petang itu, mangsa, Dhiya Qairina Muhammad Nur Akmal, 7, sedang berbasikal bersama seorang rakananya sebelum diterkam dari arah belakang oleh anjing milik jirannya itu.

Menurut bapa mangsa, Muhammad Nur Akmal Abdul Latif, 47, ketika kejadian, dia sedang memeriksa keretanya manakala isterinya, Radziah Mohd. Adas, 46, mengangkat barang dari kenderaan selepas mereka sekeluar-ga pulang dari bersiar-siar.

"Tiba-tiba saya terdengar je-

ritan anak bongsu saya itu dan apabila saya berlari keluar ternampak seekor anjing besar berwarna hitam menggigit belakang anak saya.

"Saya meluru menyelamatkan anak saya, namun anjing itu tidak mahu melepaskan gigitannya. Apabila saya mengangkat basikal untuk menghalau anjing itu, barulah haiwan tersebut melepaskan gigitannya," katanya ketika ditemui di sebuah hospital swasta di sini hari ini.

Tambah Nur Akmal, dia ber geges membawa anaknya ke sebuah hospital swasta dan Dhiya Qairina dimasukkan ke wad kerana kecederaan di bahagian punggung.

Dia kemudian membuat laporan di Balai Polis Bandar Perda di sini.

Katanya, doktor yang merawat anaknya itu memaklumkan baha-

wa satu pembedahan kecil akan dijalankan hari ini bagi menutup luka besar yang dialami.

"Jiran terbabit telah menemui saya selepas kejadian dan memaklumkan anjing itu terlepas setelah kunci raintanya rosak menyebabkan haiwan tersebut keluar melalui pintu belakang rumah mereka yang terletak kira-kira 100 meter dari rumah saya.

"Dia juga memohon maaf di atas insiden terbabit dan berjanji akan bertanggungjawab atas apa yang berlaku, namun saya sedang berbincang dengan peguam untuk mengambil tindakan terhadap pemilik anjing terbabit," ujarnya.

Katanya, langkah itu bagi memberi peringatan kepada orang ramai agar menjaga haiwan peliharaan mereka sebaik mungkin dan tidak mahu perkara sama terjadi kepada kanak-kanak lain.